

Headline	Skim Smart Sewa bantu B40 miliki rumah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,282
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,847



Skim Smart Sewa bantu B40 miliki rumah

SHAH ALAM - Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM50 juta menerusi pembiayaan Skim Smart Sewa bagi membolehkan golongan B40 memiliki kediaman Rumah Selangorku.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, dana tersebut diwujudkan ekoran kadar kelayakan pinjaman pemohon yang rendah menyebabkan banyak tawaran Rumah Selangorku terpaksa ditolak.

Menurutnya, hampir 50,000 tawaran Rumah Selangorku diluluskan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sehingga Mac lalu.

"Namun, kira-kira 35 peratus pemohon Rumah Selangorku berdepan masalah pembiayaan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan disebabkan pelbagai isu seperti tunggakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan kad kredit," katanya pada Majlis Pelancaran Dasar Perumahan Mampu Milik Negara di Elmina Community Park



AMIRUDIN

di sini semalam.

Amirudin yang juga ADUN Sungai Tua berkata, kelompok ini perlu dibantu memiliki kediaman sendiri kerana merupakan kumpulan sasar bagi projek perumahan mampu milik yang dibangunkan kerajaan negeri Selangor.

"Melalui Skim Smart Sewa sebanyak 341 unit rumah telah disewakan dengan kadar antara RM450 hingga RM700 sebulan.

"Sebanyak 101 unit telah disiapkan pada awal tahun ini dan bakal disewakan dalam masa terdekat, manakala 541 unit bakal disiapkan pada pertengahan tahun ini hingga awal

tahun hadapan," katanya.

Beliau mengajak lebih banyak pemaju harta tanah turut serta dengan kerajaan negeri menjayakan insentif perumahan mampu milik Rumah Selangorku yang lebih berkualiti dan kemudahan serba lengkap.

"Rumah Lestari D3 Sime Darby Property dengan Harmoni Elmina 1 yang dilancarkan di Elmina West adalah bukti komitmen dan usaha inovatif syarikat itu dalam menyampaikan perumahan berkanun yang lebih baik di negeri Selangor.

"Jadikan projek ini sebagai tanda aras baharu dalam pembangunan perumahan mampu milik. Ia adalah untuk merangka lebih banyak rekabentuk perumahan bagi menjana industri harta tanah yang lebih progresif," katanya.

Dalam perkembangan lain, Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) bakal merangka rancangan pembangunan membina rumah mampu milik di Selangor.